

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20 April 2016**

**SOALAN**

DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan usaha Kementerian dalam mengatasi gejala peminta sedekah yang semakin berleluasa terutamanya melibatkan kanak-kanak, orang tua dan warga asing yang dilihat seperti dimanipulasikan pihak-pihak tertentu. Tuan

## **JAWAPAN**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang di-Pertua, Bagi menangani isu pengemis, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil pendekatan secara menyeluruh (holistic) dengan penglibatan pelbagai agensi (multi-sectoral). KPWKM akan terus memperkemas dan memperkukuhkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan aktiviti pengemis dapat dikurangkan terutama melibatkan kanak-kanak, warga emas dan warga asing. Antara usaha berterusan yang diambil adalah: 1. Menjalankan aktiviti pemantauan berkala di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjadi tumpuan aktiviti pengemis seperti pusat membeli-belah, restoran, pasar sehari, pasar malam, kaki lima bank dan bangunan perniagaan. 2. Menjalankan operasi berjadual, ad-hoc dan bersepadu, dengan agens-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran dan RELA untuk menyelamatkan pengemis. Setiap agensi penguatkuasaan akan bertindak mengikut bidang kuasa agensi masing-masing. Bagi tahun 2016, JKM telah merancang untuk mengadakan 350 operasi bersepadu dan 800 operasi berjadual di seluruh negara. Jumlah dan kekerapan operasi diperbanyakkan bagi negeri-negeri dan bandar-bandar yang dikenalpasti sebagai lokasi aktiviti pengemis. 3. Melaksanakan program advokasi dan kesedaran awam mendidik masyarakat supaya bijak membantu atau menderma bagi mengelakkan sebarang penipuan dari pengemis atau pertubuhan-pertubuhan kebajikan yang tidak berdaftar. Kerajaan berharap masyarakat dapat menyalurkan sumbangan atau derma kepada pihak-pihak bertaubiah seperti pertubuhan-pertubuhan kebajikan berdaftar, rumah ibadat dan pusat jagaan yang berdaftar. JKM sedang melancarkan program pendidikan kesedaran dan pencegahan pengemis dengan slogan 'Bijak Membantu, Elak Tertipu' menerusi poster dan flyer. Masyarakat terdiri dari semua kaum, agama dan peringkat umur disarankan untuk membuat pertimbangan sewajarnya sebelum menghulurkan derma atau sumbangan. Tuan Yang di-Pertua, JKM menjalankan operasi menyelamatkan pengemis berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 3, Akta Orang-Orang Papa 1977. Bagi kes pengemis melibatkan orang dewasa, ia akan dikendalikan mengikut peruntukan di bawah Akta Orang Papa 1977. Bagi kes pengemis melibatkan warga asing, mereka akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya. Semasa operasi menyelamatkan pengemis dijalankan, jika didapati kanak-kanak dilibatkan atau dieksploitasi, kanak-kanak tersebut akan diberi perlindungan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Bagi tahun 2010 hingga Disember 2015, seramai 365 orang kanak-kanak telah berjaya diselamatkan kerana mengutip dana atau meminta sedekah di tempat awam seluruh negara di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Kanak-kanak yang diselamatkan akan ditempatkan di Tempat Selamat atau dikembalikan kepada ibubapa. Individu atau pihak yang bertanggungjawab mengeksploitasi kanak-kanak bagi tujuan meminta sedekah atau mengutip dana boleh disiasat dan didakwa oleh pihak polis mengikut peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001. Bagi ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan, mereka perlu menyempurnakan bon dengan perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah perenggan 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memastikan mereka benar-benar melaksanakan tanggungjawab yang sewajarnya terhadap anak mereka.

